



**GARIS PANDUAN  
LAB MATERIAL (LABMAT) RESEARCH GRANT  
2018**

**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)**

## **1.0 TUJUAN**

*Lab Material (LabMat) Research Grant* merupakan inisiatif baharu daripada pihak Universiti kepada penyelidik untuk menjalankan penyelidikan yang tertumpu kepada eksperimen saintifik berasaskan makmal (*laboratory-based experiment*). Geran ini adalah khusus bagi projek penyelidikan yang menggunakan bekalan bahan penyelidikan sebagai bahan utama untuk menggerakkan eksperimen di makmal terutamanya projek bidang sains dan teknologi serta penyelidikan klinikal. Ianya juga diwujudkan bagi membantu penyelidik yang mempunyai pelajar pasca siswazah tetapi tiada geran penyelidikan bagi menampung perbelanjaan barang penyelidikan.

Bagi penyelidikan dalam bidang bukan sains dan teknologi pula, walaupun tidak mempunyai makmal tetapi masyarakat atau responden merupakan bahan kajian utama bagi bidang ini dan ianya juga memerlukan kos dalam perolehan data.

## **2.0 TEMPOH PENYELIDIKAN**

Tempoh penyelidikan adalah maksimum **DUA (2)** tahun.

## **3.0 SKOP DAN BIDANG PENYELIDIKAN**

- 3.1 Sains Tulen (*Pure Science*)
- 3.2 Sains Gunaan (*Applied Science*)
- 3.3 Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)
- 3.4 Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*)
- 3.5 Sains Tabii dan Warisan Negara (*Natural Sciences and National Heritage*)
- 3.6 Sains Sosial (*Social Sciences*)
- 3.7 Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)
- 3.8 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*)

## **4.0 SYARAT PERMOHONAN**

- 4.1 Geran ini terbuka kepada semua kakitangan akademik di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan syarat-syarat berikut:-
  - a) Warganegara Malaysia;
  - b) Kakitangan akademik tetap/kontrak DS/DU 45 ke atas;
  - c) Bagi kakitangan bertaraf kontrak (minimum enam (6) bulan); termasuk bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia yang bertaraf tetap.
- 4.2 Pemohon hanya dibenarkan menjadi ketua penyelidik bagi satu projek sahaja untuk geran ini.
- 4.3 Pemohon yang sedang mengetuai mana-mana geran penyelidikan adalah tidak layak untuk memohon.
- 4.4 Walau bagaimanapun, kelonggaran akan diberikan dengan mengemukakan bukti tahap selesai projek pada kadar 75 peratus (75%).

- 4.5 Kategori cadangan projek penyelidikan:
  - a) Projek penyelidikan baharu
  - b) Projek penyelidikan sambungan daripada projek terdahulu (DPU/FRGS/RAGS/SRGS/RACE)
- 4.6 Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi ketua penyelidik. Walau bagaimanapun, boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 4.7 Pensyarah yang berpindah universiti, bercuti belajar dan cuti sebatikal (luar negara melebihi 6 bulan) tidak dibenarkan menjadi ketua penyelidik. Walau bagaimanapun, boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 4.8 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling **RM 30,000.00** yang telah ditetapkan.

## 5.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 5.1 Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan *LabMat Research Grant (UniSZA-PTPIP-20-PK 015(01)-BR 003)* yang boleh dimuat turun melalui laman web <http://www.rmic.unisza.edu.my>.
- 5.2 Permohonan untuk *LabMat Research Grant* dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati syarat permohonan.
- 5.3 Permohonan yang telah lengkap diisi perlu dihantar dan diperaku oleh Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/Institut (JPFI) masing-masing sebelum diajukan kepada RMIC.
- 5.4 Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses oleh RMIC.
- 5.5 Semua permohonan akan dinilai oleh Panel Penilai yang dilantik oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan (RMIC).

## 6.0 KRITERIA PENILAIAN

- 6.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep baharu yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baharu demi perkembangan ilmu dan penciptaan inovatif di kalangan penyelidik UniSZA.

## 7.0 PERATURAN KEWANGAN

- 7.1 **Vot 21000**  
Perjalanan dan Pengangkutan
  - 7.2.1 Perbelanjaan merangkumi perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek untuk **tujuan pengutipan data sahaja**.
  - 7.2.2 Hanya Ketua Projek sahaja dibenarkan untuk membuat tuntutan di bawah vot ini.
  - 7.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

## **7.2 Vot 27000**

### Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan bagi bekalan bahan untuk kegunaan dalam makmal dan berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

## **7.3 Vot 29000**

### Perkhidmatan Ikhtisas

Vot ini hanya dibenarkan bagi tujuan berikut sahaja:

- i. Perkhidmatan percetakan
- ii. Pemprosesan data (perkhidmatan analisis data / analisis makmal)

## **8.0 HASIL PENYELIDIKAN**

8.1 Hasil penyelidikan minimum bagi **Penerbitan, Bakat dan Harta Intelek (IP)** yang perlu dicapai oleh pemegang geran LabMat ini hendaklah merujuk kepada **Jangkaan Hasil Penyelidikan Berdasarkan Jumlah Peruntukan Geran Yang Diterima** seperti mana termaktub dalam buku Dasar dan Garis Panduan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersilan UniSZA (rujuk **Lampiran 1**).

8.2 Bayaran yuran penerbitan boleh menggunakan peruntukan Universiti.

## **9.0 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN**

Surat kelulusan penyelidikan akan dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan (RMIC) kepada para penyelidik yang berjaya setelah melalui proses penilaian.

Penyelidik hanya dibenarkan melakukan kerja-kerja penyelidikan setelah menerima surat kelulusan.

Keputusan penilaian adalah muktamad.

## **10.0 PEMANTAUAN**

Semua projek penyelidikan yang diluluskan di bawah *LabMat Research Grant* perlu dipantau dari aspek:-

- i. Prestasi projek penyelidikan; dan
- ii. Prestasi kewangan.

Laporan pemantauan projek penyelidikan perlu dihantar ke pejabat RMIC dalam tempoh **sebulan bagi setiap enam (6) bulan** selepas projek bermula.

**JANGKAAN HASIL PENYELIDIKAN BERDASARKAN  
JUMLAH PERUNTUKAN GERAN YANG DITERIMA**

JUMLAH GERAN (RM)	*OUTPUT		
	Penerbitan (Jurnal Terindeks)	Modal Insan	Harta Intelek (IP)
5,000 - 9,999	1 artikel	-	-
	-	-	1
10,000 – 29,999	1 artikel	-	1
	2 artikel	-	-
30,000 – 49,999	2 artikel	1	1
	3 artikel	1	
50,000 – 99,999	3 artikel	1	2
	5 artikel	1	-
100,000 – 199,999	5 artikel	2	1
	6 artikel	2	-
200,000 – 499,999	6 artikel	2	2
	8 artikel	2	1
500,000 -1,000,000	10 artikel	3	3
	12 artikel	3	2
>1,000,000	15 artikel	5	4
	18 artikel	5	3

\*Selain daripada yang diatas, penyelidik adalah digalakkan untuk menghasilkan **buku penyelidikan yang diterbitkan oleh penerbit tersohor, bab dalam buku, kertas kerja seminar, monograf atau modul.**

*Sumber: Dasar dan Garis Panduan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersilan UniSZA*